

# "Kadang kala ikan besar boleh belajar sesuatu dari pacu" Dr. Mahathir malukan IMF

Oleh JUSTIN MAROZZI  
Pengarang Tamu majalah The Spectator

**M**UM 16 APR 2000

MENGGUNAKAN lagu *My Way* nyanyian Frank Sinatra mungkin suatu cara ganjil untuk me-  
wajarkan dasar-dasar ekonomi dan politik seseorang.

Tetapi Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mo-  
hammad ialah seorang yang sangat pelik.

Mahathir, seorang Melayu Islam, yang sering me-  
ngutuk konspirasi kulit putih, Yahudi, Cina dan pihak  
lain terhadap umat Islam di seluruh dunia, mungkin  
mendapati agak wajar untuknya memilih nyanyian  
penghibur Amerika itu.

Lupakan tentang Jalan Ketiga yang sering dicemuh  
dan perolok-olokkan.

Mahathir lebih suka menggunakan pendekatannya  
sendiri. "Saya melakukannya dengan cara saya sendiri (*I  
did it my way*)," kata beliau mengenai pemuhhan eko-  
nomi Malaysia selepas dilanda krisis pada 1997, "dan  
ia berhasil."

Sebuah suruhanjaya yang dilantik oleh Kongres  
Amerika Syarikat (AS) bagi membuat pembaharuan  
terhadap institusi-institusi kewangan antarabangsa  
seperti Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan  
Bank Dunia, tidak mungkin memberikan banyak per-  
hatian kepada Mahathir ketika mereka menyusun sa-  
tu laporan yang disiarkan minggu lalu.

Mahathir mungkin hanya seorang manusia kerdil  
dalam pasaran kewangan antarabangsa. Tetapi jika  
nama-nama besar dalam suruhanjaya itu, seperti ahli  
ekonomi Harvard, Jeffrey Sachs, tidak memberi perha-  
tian kepada pemimpin Asia itu, mereka mungkin per-  
lu berbuat demikian.

kaki lain. Malaysia mendapati ia kini berjemur di  
bawah cahaya matahari tropika dengan pertumbuhan  
ekonomi yang kukuh manakala IMF yang begitu luar  
biasa kekuatannya dkecam dengan pelbagai jenayah  
daripada kekurangan sumber-sumber, kurang kebeba-  
san, pemolitian yang terang-terangan dan yang  
betul-betul cacat, jika bukan kesilapan besar, dalam  
memberikan ran-man pemulihan ekonomi.

Malah, persoalan lanjut ditimbulkan tentang kewa-  
jaraan IMF, institusi yang diwujudkan pada 1944, un-  
tuk mengawasi rejim Bretton Woods dalam meneta-  
pkan tukaran tetap yang disokong oleh kawalan tuka-  
ran asing. Sejauh mana ia relevan dan efektif dalam  
sebuah dunia yang bebas dan aliran modal secara  
besar-besaran?

Bagi Mahathir, IMF tidak ada relevannya. Selepas  
kemelesetan tahun 1998, apabila ekonomi Malaysia  
menguncup sebanyak 7.5 peratus – hanya satu senda-  
wa berbanding dengan kemelesetan 13.2 peratus di In-  
donesia – Malaysia bangkit daripada debu-debu ke-  
musnahan.

Langkah kawalan modal yang diperkenalkan terbu-  
kti tidak memberikan kesan-kesan yang memusnah-  
kan seperti yang dijangkakan oleh kebanyakan pakar  
ekonomi.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat  
kepada 5.3 peratus pada 1999, meninggalkan golongan  
peramal kehancuran dalam keadaan tersedak-sedak  
yang hanya dapat mempersoalkan sejauh mana penca-  
paian itu dapat dipertahankan.

Neil Saker, ketua penyelidikan ekonomi di firma SG  
Securities di Singapura menjangkakan KDNK Malay-  
sia akan meningkat 6.8 peratus tahun ini dan 5.2 pe-  
ratus pada 2001. "Saya agak yakin. Ia hampir kepada  
satu ledakan," katanya.

Sejak krisis kewangan di Asia pada 1997 menghancurkan nilai mata wang di Korea Selatan, Thailand, Indonesia dan Malaysia, Mahathir menentang keras sikap ortodoks IMF.

Ketika satu persatu negara Asia tunduk kepada dana itu dengan menerima dasar-dasar kewangan yang ketat, hanya Mahathir yang meneruskan tentangan-nya.

Dengan memilih untuk tidak tunduk kepada kekuatan Barat, Mahathir bertekad untuk menentangnya.

Mula-mula, beliau memilih untuk bertarung dengan George Soros, yang disifatkannya sebagai penyangak mata wang dari Amerika Syarikat.

Spekulator-spekulator mata wang yang menjatuhkan mata wang negara-negara Asia dilabelkannya sebagai penyamun, perompak, anarkis dan manipulator manakala pengurus-pengurus dana asing pula bersikap perkauman.

Dalam tindakan yang mengasyikkan penulis-penulis tajuk akhbar di seluruh dunia, Soros bertindak balas dengan menyifatkan Mahathir sebagai satu "ancaman terhadap masyarakat" dan "ancaman terhadap negeranya sendiri."

Beberapa bulan kemudian Mahathir bertindak lebih jauh dengan membayangkan satu konspirasi Yahudi terhadap orang Islam. Pasaran memerhatikan kenyataan beliau dengan ketakutan dan ringgit Malaysia terus jatuh. Dalam masa dua bulan nilai ringgit jatuh sebanyak 24 peratus kepada paras terendah yang baru.

Bagaimanapun, Mahathir masih enggan menghampiri IMF untuk meminta bantuan.

Sebaliknya, beliau mengemukakan dasar-dasar yang merupakan sumpahan kepada pemikiran IMF.

Beliau memperkenalkan kawalan modal yang ketat manakala nilai ringgit diikat pada dolar Amerika.

Ahli-ahli ekonomi, yang merupakan spesies suka menonjol yang gagal memberi amaran mengenai keruntuhan pasaran mata wang, meramalkan langkah-langkah itu akan menjadi mala petaka kepada Malaysia. Mahathir telah membuktikan sebaliknya.

Tidak sampai tiga tahun kemudian, kasut berada di

## Peningkatan mendadak

"Kadar pertukaran mata wang di bawah nilai sebenar betul-betul memberi kesan. Terdapat peningkatan mendadak eksport dan kecairan. Mereka (Malaysia) telah menyelesaikan banyak hutang korporat, mengatatkan pentadbiran korporat dan menyusun semula bank-bank."

Menara Berkembar Petronas, yang dahulunya dikritik sebagai projek Mahathir untuk bermegah-megah, kini menunjukkan tenaga yang berdenyut-denyut. Apabila diterangi pada waktu malam, struktur paling tinggi di dunia itu berkelau-kilauan seolah-olah sebuah bangunan di Gotham City dalam cerita *Batman* yang ditemukan dengan kisah futuristik *Bladerunner*.

Kren-kren dalam industri pembinaan bergerak, kompleks-kompleks membeli-belah sentiasa dikunjungi dan restoran-restoran selalu penuh sehingga sukar untuk membuat tempahan manakala kesesakan lalu lintas kembali di Kuala Lumpur.

Boleh tahan bagi sebuah negara yang mengambil keputusan untuk tidak menerima ramuan IMF dan menutup mulut para pengkritiknya.

(Rakyat Malaysia sendiri berbelah bahagi terhadap strategi Mahathir. Sesetengah pihak menyambut baik kelantangan serangannya terhadap Barat manakala sesetengah yang lain mengekot dan bergurau bahawa IMF bermakna *It's Mahathir's Fault*).

Hujah utama Mahathir ialah perdagangan bebas dan liberalisasi hanya memberi kebaikan apabila pandang permainan sama rata, tetapi, oleh kerana pandang itu tidak rata, negara-negara membangun memerlukan satu bentuk perlindungan daripada kesan-kesan ketidakstabilan akibat aliran modal yang sukar dijangkakan.

Memang diakui beliau terkenal dengan pendirian tentang penjajahan, tetapi beliau tidak boleh diibaratkan seorang komunis yang suka meracau-racau tentang ideologinya atau seorang intelektual berjangan yang ganjil dari Seattle.

Keberanan yang mungkin tidak seronok untuk kita akui ialah, tanpa mengambil kira teori konspirasi pa-

ranoid itu, apa yang dikatakan oleh beliau ada kebenarannya.

Apabila IMF menghendaki negara-negara yang menerima bantuannya membiarkan bank-bank mereka yang gagal lingkup dan kemudian berdiam diri apabila Wall Street dibenarkan menyelamatkan Long Term Capital Management, iaitu sebuah dana lindung nilai Amerika Syarikat, autoriti IMF perlu dipersoalkan.

Kegagalan IMF mengelak kejatuhan mata wang Brazil pada tahun 1998 memburukkan lagi imej dana tersebut manakala dakwaan IMF dalam mengenakan disiplin ke atas ekonomi yang ditadbir secara liar boleh dipersoalkan walaupun mengambil kira tindakan tabung itu memberi pinjaman mudah yang didorongi oleh sebab-sebab politik kepada Rusia pada tahun 1999.

Kesemua itu mewajarkan betapa satu orde baru kewangan perlu diwujudkan bagi menangani kesan-kesan mentaliti gerombolan di kalangan para pelabur Barat. Mahathir memberi amaran dalam Persidangan Pengetahuan Kedua Dunia di Kuala Lumpur baru-baru ini bahawa kegagalan bertindak balas terhadap cabaran itu membawa bencana.

"Di manakah sekarang apa yang diperkatakan sebagai gambar-gembar global tentang globalisasi, perkataan yang sering digunakan kerana kita tidak tahu apa sebenarnya maksud perkataan tersebut," hujah beliau. "Saya tidak teragak-agak untuk menjangkakan bahawa proses itu akan dihentikan dengan mendadak oleh masyarakat dunia sekiranya ketamakan tidak dapat ditahan-tahan, kapitalisme tanpa prinsip bermaharajalela dan ketandusan nilai etika dan moral menggugat kebajikan manusia."

Pemimpin yang menjadi juara Dunia Ketiga itu kini mempunyai banyak audien yang meminati pandangannya mengenai Barat.

"Saya fikir hujahnya ada betulnya," kata Bruce Gale, pengurus Asia Tenggara di syarikat perunding Political and Economic Risk Consultancy Limited yang berpejabat di Singapura.

"Kita mungkin perlu melihat kepada aliran modal antarabangsa yang telah memberi banyak kemusnahan. Masalah dengan Mahathir ialah dia mengumpul pendapatnya dengan cara yang mengetepikan pendapat orang lain yang mungkin bersimpati dengan pendiriannya, sebagai contoh, apabila dia membayang-

kan tentang konspirasi Yahudi atau menyatakan orang putih belum berhenti daripada rancangan mereka untuk menjajah orang Asia."

Sekarang IMF mendapati dirinya juga berada di bawah mikroskop forensik yang ia sering gunakan ke atas negara-negara peminjam atau negara-negara yang dilanda krisis, dan dana itu tidak lama lagi mungkin perlu menyerahkan diri kepada pembedahan yang menyakitkan.

---

## Dana yang lebih bebas

Laporan suruhanjaya Kongres AS telah menggesa IMF dikesilkan saiznya. Ia harus menarik diri daripada menjadi peminjam kepada negara-negara miskin dan untuk tujuan pembangunan, sebaliknya perlu menjadi pemberi pinjaman yang terakhir.

Tetapi sama ada sebuah dana yang lebih bebas akan muncul daripada kajian terbaru mengenai penyusunan semula itu mungkin bergantung kepada perubahan dalam pemilikan institusi itu, itupun jika ia boleh berlaku.

Sementara Kesatuan Eropah (EU) dan AS terus menjadi pemegang saham dominan – bersama-sama mereka memiliki kepentingan kurang daripada 50 peratus kuasa mengundi – adalah satu kedegilan untuk menjangkakan IMF tidak akan membelakangkan kepentingan Barat dalam tindakan-tindakannya.

Tidak salah bagi IMF mewakili kepentingan Barat tetapi untuk dana itu terus berhujah bahawa ia hanyalah sebuah institusi kewangan antarabangsa dan pemberi hutang multilateral dan bukan senjata strategik polisi luar Barat, ia adalah satu cerita yang tidak masuk akal.

Oleh kerana prestasi ramuan ekonominya dari Estonia hingga ke Brazil begitu meragukan, sikap hormat kita kepada IMF tidak lagi boleh diambil mudah.

Masanya sudah tiba untuk melakukan perubahan. Kita perlu menyambut cabaran daripada Mahathir. Kadang kala ikan besar boleh belajar sesuatu daripada ikan bilis.

**Rencana ini disiarkan oleh majalah  
The Spectator keluaran 18 Mac 2000 yang  
diterbitkan di United Kingdom.**